

19 DEC 2000

Rais-Ainum

RAIS YAKIN AINUM MAMPU JALANKAN TUGAS DENGAN CEMERLANG

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim yakin Peguam Negara yang baru, Datuk Ainum Mohamed Saaid akan mampu menjalankan tanggungjawabnya dengan cemerlang.

Rais berkata sebagai seorang bekas pegawai tinggi di Jabatan Peguam Negara, Ainum akan dapat menjalankan tugasnya dengan cemerlang.

Bercakap kepada pemberita di ruang legar Dewan Negara, Rais berkata Ainum adalah seorang yang berpengalaman dalam bidang guaman dan yang berkaitan dengan undang-undang kewangan.

"Saya berharap dengan pelantikan itu, hubungan antara Jabatan Peguam Negara dan pentadbiran kerajaan pusat akan menghasilkan pekelilingan undang-undang dan kententeraman dengan baik dan sempurna di samping menguatkuasakan undang-undang seperti yang dituntut oleh perundangan negara," katanya.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini, Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, atas nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membuat pelantikan itu mengikut Perkara 145 (1) Perlembagaan Persekutuan.

Ainum, 54, akan menggantikan Tan Sri Mohtar Abdullah, yang tamat tempoh perkhidmatannya pada 31 Dis ini.

"Saya yakin Ainum akan dibantu oleh pegawai undang-undang yang berpengalaman dan profesional dan perpindahan ke Jabatan Peguam Negara akan memberikan keadaan yang selesa kepada beliau untuk menjalankan tugas," katanya.

Mengenai sama ada pelantikan itu akan membawa perubahan kepada sistem pentadbiran undang-undang negara ini, Rais berkata "saya menjangkakan akan ada perubahan pada tahun depan dan seterusnya."

Menurut Rais dengan pelantikan Ketua Hakim yang baru dan kini Peguam Negara, dengan kedua-duanya mempunyai hubungan dengan kerajaan dan pengalaman, membuktikan bahawa mereka sebenarnya menjunjung kedaulatan undang-undang.

"Personaliti yang terbabit tidak penting tetapi dengan kepimpinan mereka di pelbagai bahagian pentadbiran keadilan seperti mahkamah dan pejabat peguam, saya yakin mulai 2001, kita akan mula mengkaji semula pentadbiran keadilan di negara ini supaya lebih teratur dan adil," katanya.

Rais berkata kita perlu melihat pelbagai aspek pentadbiran keadilan dan tidak hanya membantah mengenai keadilan tanpa memberi makna yang konkrit kepadanya.

"Kita juga perlu melihat cara rakyat dilayani semasa ditahan, dalam tahanan atau penjara," katanya.

Sementara itu, Rais mengulangi pendirian kerajaan pusat bahawa ia bersedia menghadapi kemungkinan dihadapkan ke mahkamah oleh kerajaan negeri Terengganu ekoran rasa tidak puas hati kerajaan negeri itu mengenai wang ihsan.

"Kerajaan pusat bersedia menemui mereka di mahkamah dan akan mengemukakan hujah yang ada pada kerajaan berkaitan wang ihsan bagi Terengganu," katanya.

Rais berkata hak menuntut kepentingan sesuatu golongan menerusi mahkamah adalah hak asasi golongan berkenaan dan dalam perkara ini segala-galanya terserah kepada budibicara kerajaan Terengganu.

Semalam Menteri Besar Terengganu Abdul Hadi Awang berkata kerajaan negeri akan mengambil tindakan undang-undang terhadap kerajaan pusat untuk

mengembalikan apa yang beliau dakwa sebagai hak Terangganu terhadap royalti minyak.

-- BERNAMA  
AKT AKT RON